

## BAB 2

### **LATAR BELAKANG TEORI TRANSFORMASI GENERATIF, RUMUS-RUMUS TATABAHASA, MORFOLOGI, dan SINTAKSIS BAHASA MELAYU**

#### **2.1 PENDAHULUAN**

Dalam bab ini, akan dikemukakan lima perkara utama yang menjadi dasar penelitian dan analisis tentang penyimpangan bahasa yang terdapat dalam teks yang dikaji. Pertama ialah latar belakang Teori Transformasi-Generatif (TTG) yang menjadi asas kajian ini; kedua ialah rumus-rumus tatabahasa bahasa Melayu; ketiga, rumus-rumus morfologi bahasa Melayu; dan keempat rumus-rumus sintaksis bahasa Melayu yang akan digunakan untuk mengesan penyimpangan tatabahasa, morfologi dan sintaksis dalam teks kajian.

#### **2.2 TATABAHASA TRANSFORMASI-GENERATIF**

Teori Transformasi-Generatif (TTG) yang diperkenalkan oleh Noam Chomsky pada tahun 1957 ialah teori yang sangat besar pengaruhnya terhadap bidang linguistik. Dengan terbitnya buku *Syntactic Structures* oleh Noam Chomsky

pada tahun 1957 bermulalah era baru dalam ilmu linguistik di seluruh dunia amnya dan di Amerika Syarikat khususnya. Teori ini telah mencapai perkembangan yang pesat pada sekitar tahun 1970-an. Kepesatan perkembangan ini dapat dilihat daripada hasil senarai bibliografi, iaitu sebanyak 2,459 judul yang dipungut oleh Kern dan Mullner pada tahun 1968, manakala F. Hiorth menyatakan bahawa bilangan ini sudah meningkat kepada 4,000 judul kesemuanya.<sup>1</sup>

Sebelum munculnya TTG, dunia linguistik, khususnya di Amerika telah dipengaruhi oleh aliran struktural yang dikembangkan oleh Leonard Bloomfield dan ahli-ahli bahasa lain yang seperjuangan dengan beliau. Aliran struktural mempengaruhi pemikiran dan analisis linguistik selama kira-kira setengah abad. Tetapi pada tahun lima puluhan, beberapa orang penyelidik bahasa mula menyoal beberapa aspek dasar yang menjadi pegangan aliran tersebut. Antaranya ialah Chomsky yang menimbulkan beberapa aspek analisis aliran struktural yang pada pandangannya tidak dapat menyelesaikan persoalan-persoalan bahasa. Antara persoalan yang dikemukakan oleh Chomsky meliputi cara analisis, matlamat analisis, dan bahan yang menjadi tumpuan analisis.

---

<sup>1</sup> Nik Safiah Karim. 1988. "Pendekatan Transformasi-Genaratif Daripada "Syntactic Structures" Kepada "Aspects". Dalam Nik Safiah Karim (Penyusun). *Linguistik Transformasi Generatif*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 1.

TTG menunjukkan bahawa terdapat dua aspek utama dalam teori ini, iaitu transformasi dan generatif. Walaupun dari sudut istilah, transformasi dan generatif merujuk kepada dua konsep yang berbeza tetapi kedua-duanya saling mempunyai hubungan dan pertalian yang erat. Tatabahasa sedemikian dikatakan bersifat generatif dengan maksud bahawa tatabahasa ini boleh 'menjanakan' segala ayat yang sempurna bentuknya dalam sesuatu bahasa tetapi tidak pula ayat yang tidak sempurna bentuknya.<sup>2</sup> Oleh itu, dengan adanya ciri generatif, sesuatu tatabahasa dapat menghasilkan semua ayat yang gramatis dalam bahasa tersebut.<sup>3</sup> Sebaliknya, transformasi ialah peraturan yang mengatur semula unsur-unsur dalam ayat. Dengan demikian, tatabahasa ini dapat menjelaskan segala bentuk hubungan antara ayat terbitan dengan ayat dasar.<sup>4</sup> Dalam konteks ini, tatabahasa generatif bahasa Melayu mestilah menghasilkan ayat seperti *Ali sedang bermain bola*, bukan *Bermain sedang Ali bola*.

TTG merupakan satu teori yang lengkap dan menyeluruh yang merangkumi semua komponen bahasa termasuklah sintaksis, semantik, dan fonologi. Teori ini juga dianggap sebagai satu revolusi yang bertentangan dengan teori behaviourisme dan empirisme kerana teori ini merupakan

<sup>2</sup>Theodora Bynon. 1994. *Linguistik Sejarawi*. Noor Ein Mohd Noor (Ptjh). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 114.

<sup>3</sup>Pitsamai Intarachat. 1987. *Sintaksis Predikat Dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 14.

<sup>4</sup>Goh Ong Sing dan Teh Kean Hoe. 1993. *Bahasa Tulisan Pelajar Pekak : Analisis Struktur Sintaksis Berdasarkan Teori Tatabahasa Transformasi Generatif*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 65.

representasi mental. Walaupun TTG tidak dapat mengatasi semua masalah tatabahasa tetapi diakui bahawa analisis transformasi dapat memberikan jawapan kepada persoalan-persoalan yang sebelum ini tidak terjawab oleh aliran struktural. Dengan kata lain, aliran transformasi lahir daripada usaha untuk mencari satu analisis yang dapat mengatasi masalah yang tidak dapat diselesaikan oleh analisis struktural.

Teori ini mula diperkenalkan apabila karya pertama Noam Chomsky, iaitu *Syntactic Structures* (1957) diterbitkan dan lapan tahun kemudiannya, buku keduanya *Aspects of the Theory of Syntax* (1965) pula diterbitkan. Kedua-dua buku ini mempunyai sedikit perbezaan dari segi isi dan fungsi-fungsi tertentu. Versi 1957 mengandung bahagian rumus struktur frasa, rumus transformasi dan rumus morfonemik, manakala versi 1965 mempunyai bahagian sintaksis, semantik dan fonologi. Dalam karya 1965, bahagian sintaksisnya merangkumi kedua-dua bahagian rumus struktur frasa dan transformasi dan bahagian semantiknya berfungsi untuk menginterpretasikan makna ayat-ayat yang dihasilkan oleh bahagian sintaksis. *Teori Standard* dan *Teori Standard Tambahan* pula telah berjaya memperlihatkan pelbagai fakta dan hubungan dan buat pertama kalinya berjaya memberikan satu teori yang sangat jelas dan menyeluruh. Chomsky pernah dianggap oleh Hiorth (1974) sebagai salah seorang ideologis agung dalam bidang ilmu linguistik pada hari ini, manakala

Lyons (1971) pula menganggap Chomsky sebagai seorang yang telah merevolusikan penyelidikan bahasa secara sistematik.<sup>5</sup>

### 2.3 KONSEP TATABAHASA TRANSFORMASI-GENERATIF

Berdasarkan konsep bahawa manusia dapat menghasilkan ayat yang tidak terhad jumlahnya, sedangkan keupayaan otak manusia terhad, maka lahirlah dua konsep baru yang dikemukakan oleh Chomsky, iaitu kemampuan bahasa atau *linguistic competence* dan pelakuan bahasa atau *linguistic performance*. Kemampuan bahasa bermaksud kemampuan generatif yang ada pada diri penutur untuk menghasilkan keupayaan (*potentiality*). Namun begitu, keupayaan itu kadang-kadang tidak terlaksana sepenuhnya kerana beberapa faktor yang mempengaruhi penggunaan bahasa seseorang itu, seperti terbatuk, terbahak, kesakitan atau keletihan, gangguan fikiran, dan gangguan emosi. Penghasilan bahasa tidak seratus peratus atau keadaan tidak kesampaian seperti inilah yang dimaksudkan sebagai pelakuan bahasa (*performance*).<sup>6</sup> Pelakuan bahasa tidak dapat dianggap sebagai kemampuan terhadap bahasa. Oleh sebab itu,

<sup>5</sup>Raja Masittah Raja Ariffin. 1988."Teori Tatabahasa Transformasi-Generatif : Sejarah Perkembangan Sepintas Lalu". *Dewan Bahasa*. Jld. 32. Bil. 2.. Hlm. 109-110.

<sup>6</sup>Nik Safiah Karim. "Pendekatan Transformasi-Generatif Daripada "Syntactic Structures" Kepada "Aspects". Hlm. 4.

penghuraian TTG melepas penghuraian aliran struktural dengan menyelami proses mental penutur yang tidak terdapat dalam aliran struktural.<sup>7</sup>

Berdasarkan *competence*, ayat-ayat dapat diterbitkan dan difahami dalam konteks yang tidak terhad jumlahnya. Jumlah yang tidak terbatas inilah yang dinamakan aspek seperti yang dikemukakan oleh Chomsky, iaitu seseorang penutur itu masih dapat memahami ayat-ayat yang tidak pernah didengarnya selama ini yang dilafazkan oleh penutur-penutur lain dalam masyarakat bahasanya. Oleh Chomsky, aspek ini dinamakan sebagai aspek bahasa yang kreatif dan inovatif.<sup>8</sup>

Daripada hakikat ini timbul pula dua konsep baru dalam analisis transformasi-generatif yang berkaitan dengan kemampuan bahasa, iaitu struktur permukaan (*surface structure*) dan struktur dalaman (*deep structure*). Ayat dikatakan mempunyai struktur permukaan dan ini diketahui atau disedari oleh penuturnya, dan struktur ini dimanifestasikan melalui bunyi atau ejaan. Contoh ayat permukaan ialah *Anjing mengejar kucing* dan *Kucing dikejar oleh anjing*. Ayat juga boleh dikatakan mempunyai struktur dalaman yang kewujudannya dan bentuknya diketahui oleh penuturnya tetapi tidak semestinya dimanifestasikan

<sup>7</sup>Samsudin Ahmad. 1994. "Teori Transformasi Generatif Dalam Pengajaran Bahasa Melayu". *Jurnal Dewan Bahasa*. Jld. 38. Bil. 3. Hlm. 262.

<sup>8</sup>Raja Masittah Raja Ariffin. 1989. "Noam Chomsky". *Jurnal Dewan Bahasa*. Jld. 33. Bil. 12. Hlm. 951.

melalui bunyi atau ejaan. Melalui proses yang dinamakan transformasi, struktur dalam akan muncul sebagai satu atau beberapa struktur permukaan, bergantung pada jenis transformasi yang diaplikasi padanya.<sup>9</sup>


Pada peringkat dasar, sesuatu ayat akan dapat menerangkan kebolehan penutur untuk memahami (memberikan interpretasi semantik) ayat-ayat bahasanya, termasuk segala selok-belok terhadap perkataan yang mempunyai lebih daripada satu makna, dan syarat dalam penggunaan bentuk tertentu dalam ayat. Ayat pada peringkat struktur dalaman biasanya digambarkan dengan rajah pohon yang menunjukkan penjenisan struktur sintaksis (*constituent-structure tree diagram*). Sebagai contoh, ayat

*Ibu memasak nasi.*


akan mempunyai struktur pohon seperti yang berikut :

---

<sup>9</sup>Nik Safiah Karim. "Pendekatan Transformasi-Generatif Daripada "Syntactic Structures" Kepada "Aspects". Hlm. 6.



Pada peringkat permukaan, tatabahasa akan berusaha menerangkan kebolehan pengguna menghasilkan dan memahami segala yang dilafazkan atau yang ditulis. Seperti juga pada peringkat struktur dalaman, terdapat peraturan yang membawa kepada kewujudan struktur pohon. Pada peringkat ini ayat di atas akan menjadi ayat seperti di bawah :




Peringkat transformasi, iaitu peringkat yang menerangkan proses sintaksis yang menghuraikan cara pengguna sesuatu bahasa mengaitkan struktur dalaman dengan struktur permukaan. Bahagian ini menerangkan cara jumlah dan susunan transformasi terlibat dalam perubahan sesuatu struktur dalaman kepada struktur permukaan.

Konsep peringkat-peringkat dasar dan permukaan yang dibicarakan di atas ialah cara penyelesaian yang dikemukakan oleh aliran transformasi. Peringkat dasar atau struktur dalaman bertanggungjawab kepada interpretasi makna ayat itu sedangkan struktur permukaan diterbitkan daripada struktur dalaman melalui transformasi tertentu.<sup>10</sup> Secara skema, model itu dapat dilambangkan seperti di bawah :

---


<sup>10</sup>Abdul Hamid Mahmood. 1992. *Ayat Pasif Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 14.



(Sumber : Nik Safiah Karim. *Linguistik Transformasi Generatif*. Hlm. 9)

Pertalian antara struktur dalaman dan struktur permukaan bersabit dengan penerapan rumus-rumus dasar dan rumus-rumus transformasi juga boleh dilakarkan seperti yang berikut :

## KOMPONEN SINTAKSIS CHOMSKY



(Sumber : Danny D. Steinberg. 1990. *Psikolinguistik Bahasa, Akal Budi dan Dunia*. Hlm. 38.)

Tatabahasa yang dihasilkan daripada skema di atas dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian atau komponen tertentu. Bahagian yang mengandung rumus struktur frasa disebut bahagian atau komponen dasar (*base component*) dan bahagian yang mengandung rumus transformasi disebut bahagian transformasi (*transformation component*). Bahagian semantik (*semantic component*) ialah bahagian yang mengandung rumus interpretasi

semantik dan bahagian fonologi (*phonological component*) ialah bahagian yang mengandung rumus interpretasi fonologi. Bahagian-bahagian dasar dan transformasi disatukan menjadi bahagian sintaksis.<sup>11</sup>

Teori Genetik-Kognitif yang diperkenalkan oleh Chomsky telah didasarkan pada satu hipotesis yang dipanggil "Hipotesis Nurani" (*The Innateness Hypothesis*). Hipotesis ini mengatakan bahawa otak manusia telah dipersiap secara genetik atau semula jadi untuk berbahasa. Beliau menegaskan bahawa sifat semula jadi ini wujud sejak seseorang itu dilahirkan. Hal ini bererti potensi berbahasa itu sebenarnya merupakan ciri akal atau mental dan bukannya ciri biologis. Chomsky berpendapat otak manusia telah dilengkapkan dengan struktur bahasa sejagat yang dinamakan sebagai *Language Acquisition Device* (LAD) atau Alat Perolehan Bahasa (APB). Tugas LAD ialah membekalkan seseorang dengan tatabahasa tertentu. Apabila kanak-kanak diberi input bahasa Inggeris, LAD akan membina nahu bahasa Inggeris di dalam otak kanak-kanak itu, iaitu LAD dapat memberikan idea asas untuk membentuk rumus-rumus dan item leksikal bahasa Inggeris dan cara pengendaliannya. Prinsip-prinsip dasar organisasi linguistik seperti ini dinamakan Tatabahasa Sejagat.<sup>12</sup>

---

<sup>11</sup>Nik Safiah Karim. "Pendekatan Tranformasi-Generatif Daripada "Syntactic Structures" Kepada "Aspects". Hlm 10.

<sup>12</sup>Raja Masittah Raja Ariffin. "Noam Chomsky". Hlm. 953.

## 2.4 KOMPONEN TATABAHASA TRANSFORMASI GENERATIF

Dalam model *Syntactic Structures* 1957, nahu terdiri daripada 3 komponen utama<sup>13</sup> dan aplikasinya dijalankan secara berurutan untuk menerbitkan sesuatu bahasa. Komponen tersebut ialah

- i. Komponen Struktur Frasa
- ii. Komponen Transformasi
- iii. Komponen Morfonemik


Sebagai pembaikan, dalam teori standard seperti yang terdapat dalam buku *Aspects of the Theory of Syntax*, nahu dibahagikan kepada 3 komponen:

- i. Komponen Sintaksis
- ii. Komponen Semantik
- iii. Komponen Fonologi

Hubungan antara ketiga-tiga komponen itu dapat dilihat dalam carta organisasi seperti yang berikut :

---

<sup>13</sup>Pitsamai Intarachat. *Sintaksis Predikat Dalam Bahasa Malaysia*. Hlm. 15.



(Sumber : Awang Sariyan. 1986. *Kesinambungan Bahasa Dalam Sastera*.

Hlm. 26.)

#### 2.4.1 Komponen Struktur Frasa

Komponen ini ialah rumus yang menulis kembali lambang-lambang bukan terminal, satu demi satu hingga menghasilkan lambang-lambang terminal, iaitu perkataan. Contoh rumus struktur frasa adalah seperti yang berikut :

- (a) A > FN + FK
- (b) FK > K + FN

(c) FN > N + Penunjuk

(d) K > tendang

(e) Penunjuk > itu

(f) N > pelajar, bola

Rumus-rumus di atas akan menerbitkan ayat *Pelajar itu menendang bola.*

#### 2.4.2 Komponen Transformasi

Komponen ini mengambil ayat yang dihasilkan oleh rumus struktur frasa seperti yang terdapat dalam 2.3.1 sebagai input dan memindahkan, menggugurkan, dan menyambungkan unsur tertentu dalam ayat di atas. Rumus-rumus transformasi disusun mengikut susunan tertentu yang berbeza dengan rumus struktur frasa yang mempunyai susunan yang bebas. Susunan ini penting untuk menghasilkan ayat yang gramatis. Rumus transformasi dianggap penting untuk memperlihatkan hubungan sintaksis yang terdapat antara dua struktur yang berbeza,<sup>14</sup> misalnya antara ayat aktif dengan ayat pasif yang berikut :

1. (a) Ibu memasak nasi.  
(b) Nasi dimasak oleh ibu.
2. (a) Polis mengejar perompak.  
(b) Perompak dikejar oleh polis.

<sup>14</sup>Halimah Wok Awang. 1988. "Teori Standard Dalam Perkembangan Aliran Transformasi-Generatif". Dalam Nik Safiah Karim (Peny.). *Linguistik Tranformasi-Generatif*. Hlm. 27.

Secara kasar rumus pasif mengatakan bahawa :

Sekiranya ayat 1 (a) dan ayat 2 (a) merupakan ayat gramatis yang berbentuk FN - Kb - K - FN, maka urutan yang berbentuk FN - Kb - K - Oleh + FN yang dihasilkan daripadanya juga merupakan ayat yang gramatis.

#### 2.4.3 Komponen Morfonemik

Komponen ini menukarkan struktur yang dihasilkan oleh komponen transformasi kepada bunyi yang sebenarnya, yakni bunyi yang dilafazkan dalam pertuturan.<sup>15</sup>

#### 2.4.4 Komponen Sintaksis

Komponen sintaksis ialah sehimpunan rumus yang menerangkan kata dan kumpulan kata untuk membentuk ayat yang tidak terbatas bilangannya dalam sesuatu bahasa.<sup>16</sup> Komponen sintaksis nahu Chomsky mengandung dua set rumus yang berlainan, iaitu dasar dan transformasi yang menghasilkan dua tahap struktur, iaitu struktur dalaman dan struktur permukaan. Rumus dasar membolehkan terhasilnya sebahagian struktur dalaman yang tidak terhingga banyaknya. Rumus transformasi tugasnya ialah menjadikan struktur dalaman

---

<sup>15</sup>Ibid. Hlm. 29.

<sup>16</sup> Awang Sariyan. *Kesinambungan Bahasa Dalam Sastera*. Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti. Sdn. Bhd. Hlm. 26.

kepada struktur permukaan yang menjadi asas pertuturan yang dapat dijelaskan.<sup>17</sup>

#### 2.4.5 Komponen Semantik

Komponen ini menetapkan tafsiran semantik sesuatu ayat,<sup>18</sup> atau komponen ini juga menentukan interpretasi semantik sesebuah kalimat.<sup>19</sup> Komponen ini berfungsi untuk menentukan supaya struktur sintaksis yang merupakan inputnya dapat diberi analisis secara formal.

#### 2.4.6 Komponen Fonologi

Komponen fonologi terdiri daripada rumus-rumus yang menentukan sebutan sebenar sesuatu struktur sintaksis yang dihasilkan oleh komponen sintaksis.<sup>20</sup> Menurut Jos Daniel Parera, komponen fonologi menentukan bentuk fonetik

---

<sup>17</sup>Danny D. Steinberg. 1990. *Psikolinguistik Bahasa, Akal Budi dan Dunia*. Azhar Simin (Ptjh). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 42.

<sup>18</sup>Faridah Zainal Abidin. 1979. "Beberapa Rumus Dasar dan Rumus Transformasi Dalam Pengkajian Sintaksis Dari Sudut Tatabahasa Transformasi-Generatif." *Dewan Bahasa*. Jld. 23. Bil. 3. Hlm. 34.

<sup>19</sup>Jos Daniel Parera. 1991. *Kajian Linguistik Umum, Historis, Komparatif dan Tipologi Struktural*. Jakarta: Penerbit Erlangga. Hlm. 85.

<sup>20</sup>Halimah Wok Awang. "Teori Standard Dalam Perkembangan Aliran Transformasi-Generatif." Hlm.33.

daripada sebuah kalimat yang dibangkitkan oleh kaedah sintaksis.<sup>21</sup> Contoh rumus fonologi dalam bahasa Melayu adalah seperti yang berikut :

$$n \longrightarrow m / \overbrace{\hspace{1cm}}^p + \begin{matrix} f \\ t \end{matrix}$$

## 2.5 TATABAHASA BAHASA MELAYU

Dalam bahagian ini, akan dibincangkan aspek-aspek penting dalam bidang tatabahasa. Walau bagaimanapun, perbincangan tidaklah dibuat secara mendalam kerana penulisan disertasi ini bukanlah bertujuan untuk membincangkan tatabahasa bahasa Melayu tetapi untuk membicarakan, mengkaji dan menganalisis penyimpangan bahasa yang terdapat dalam teks kajian.

Pergertian dan takrif mengenai tatabahasa telah pun dikemukakan dalam dalam Bab 1. Tatabahasa merupakan satu disiplin keilmuan yang semata-mata mempelajari atau mengkaji aturan atau susunan dalam sesuatu bahasa (dalam

---

<sup>21</sup> Jos Daniel Parera. *Kajian Linguistik Umum, Historis, Komparatif dan Tipologi Struktur*. Hlm. 85.

konteks ini bahasa Melayu ), iaitu meliputi bidang fonetik, ejaan, morfologi, sintaksis, semantik, dan etimologi.<sup>22</sup>

Aspek tatabahasa yang paling relevan dan sesuai dalam kajian teks ini ialah bidang ejaan, morfologi dan sintaksis. Untuk maksud ini,uraian umum tentang aspek ejaan, bidang morfologi, dan sintaksis akan diberikan. Aspek ejaan merangkumi pengertian dan penulisan beberapa peraturan yang sering menimbulkan kekeliruan dan kekacauan. Bagi bidang morfologi pula akan dijelaskan mengenai pengertian, proses pembentukan perkataan, dan penggolongan perkataan. Bidang sintaksis akan merangkumi ayat dasar, ayat tunggal, dan ayat transformasi.

Untuk mengetahui aspek ejaan, morfologi, dan sintaksis dengan lebih lanjut bolehlah dirujuk buku yang menjadi dasar dan pegangan agensi rasmi perancang dan pelaksana bahasa di Malaysia, iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka. Antara buku yang sesuai dijadikan rujukan ialah *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu* yang telah diterbitkan pada tahun 1997, *Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia 1984* dan *Pedoman Umum Ejaan Bahasa Malaysia 1975*.

---

<sup>22</sup> Hj. Hamzah Hj. Mahmood. 1997. *Pembentukan Tatabahasa Melayu Mengikut Proses Hukum Morfologi dan Sintaksis*. Selangor : Universiti Islam Antarabangsa. Hlm. 4

## 2.6 MORFOLOGI

Morfologi merupakan salah satu bidang kajian linguistik yang mengkaji struktur dan binaan dalam perkataan.<sup>23</sup> Pengertian dan takrif mengenai bidang morfologi telah diuraikan dalam Bab 1. Dalam bahagian ini, akan dijelaskan bidang morfologi secara umum yang menjadi salah satu bidang yang mendasari kajian yang dilakukan. Telah dijelaskan terdahulu, iaitu dalam Bab 1 bahawa bidang morfologi merupakan satu bidang dalam kajian bahasa yang mengkaji perkataan dan cara-cara pembentukannya. Aspek-aspek penting yang akan dibicarakan adalah tentang proses pembentukan kata yang melibatkan 4 bentuk, iaitu :

1. Bentuk Kata Tunggal
2. Bentuk Kata Terbitan
3. Bentuk Kata Majmuk
4. Bentuk Kata Ganda

Bentuk kata tunggal dibahagikan kepada 4 :

1. Kata Tunggal Satu Suku Kata
2. Kata Tunggal Dua Suku Kata
3. Kata Tunggal Tiga Suku Kata
4. Kata Tunggal Empat Suku Kata dan Lebih

<sup>23</sup> Hashim Hj. Musa. 1993. *Binaan dan Fungsi Perkataan Dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 1

Bentuk kata terbitan dikelaskan kepada empat, iaitu :

1. Kata Terbitan Berawalan
2. Kata Terbitan Berakhiran
3. Kata Terbitan Berapitan
4. Kata Terbitan Bersisipan

Bentuk kata majmuk terbahagi kepada tiga :

1. Bentuk yang telah mantap
2. Penggandaan kata majmuk
3. Pengimbuhan kata majmuk

Bentuk kata ganda dibahagikan kepada tiga :

1. Penggandaan penuh
2. Penggandaan separa
3. Penggandaan berentak

Kajian tentang golongan kata termasuklah golongan kata nama, golongan kata kerja, golongan kata sifat, dan golongan kata tugas.

Golongan kata nama dibahagikan kepada tiga :

1. Kata Nama Khas

2. Kata Nama Am
3. Kata Ganti Nama

Golongan kata kerja :

1. Kata Kerja Tak Transitif
2. Kata Kerja Transitif

Kajian tentang golongan kata adjektif merangkumi aspek jenis kata adjektif, pembentukan kata adjektif dan kata adjektif dalam bentuk perbandingan. Manakala golongan kata tugas termasuklah kata penyambung ayat, kata praklausa, kata prafrasa, dan kata pascakata.

## 2.7 SINTAKSIS BAHASA MELAYU

Bidang sintaksis mengkaji hubungan antara perkataan dengan perkataan dalam pembentukan ayat. Menurut Hj. Hamzah Hj. Mahmood, sintaksis secara ringkasnya ditakrifkan sebagai susunan unit-unit nahu (kata atau perkataan, morfem) dan kategori-kategorinya menjadikan konstruksi yang biasanya dikenali sebagai ayat atau kalimat.<sup>24</sup> Pengertian sintaksis yang telah dikemukakan dalam *International Encyclopedia of Linguistics* sebagai

<sup>24</sup> Hj. Hamzah Hj. Mahmood. 1997. *Pembentukan Tatabahasa Melayu Mengikut Proses Hukum Morfologi dan Sintaksis*. Hlm. 52.

*The study of the rules of governing the way words are combined to form sentences; contrasts with morfology, the study of words structure. More generally, the study of the interrelationships among all the elements of sentence structure, and of the rules governing the arrangement of sentences in sequences.*<sup>25</sup>

Berdasarkan beberapa pengertian dan takrifan yang telah dikemukakan di atas dan juga pada Bab 1, boleh disimpulkan bahawa sintaksis merupakan sehimpunan rumus yang dapat membentuk ayat gramatis yang tidak terbatas bilangannya. Dalam erti kata lain, bidang sintaksis mengkaji ayat. Oleh sebab bidang sintaksis berpusat pada ayat, terlebih dahulu akan diuraikan konsep-konsep dasar yang berkaitan dengan ayat.

### 2.7.1 AYAT

Terdapat pelbagai takrif dan konsep ayat yang telah dikemukakan oleh ahli bahasa. Menurut ahli Tatabahasa Tradisional (diasaskan pada abad ke-5 S.M. di Yunani) takrif yang diberikan berpusat pada syarat wujudnya fikiran yang lengkap.<sup>26</sup> Menurut takrif yang dikemukakan oleh St. Takdir Alisyahbana, ayat

<sup>25</sup> William Bright. 1992. *International Encyclopedia of Linguistics*. Volume 4. New York : Oxford University Press. Hlm. 341.

<sup>26</sup> Awang Sariyan. 1986. *Kesinambungan Bahasa Dalam Sastera Melayu*. Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti. Hlm. 27.

ialah "... satuan kumpulan kata yang terkecil yang mengandung fikiran yang lengkap." <sup>27</sup> Bagi Za'ba pula, ayat ialah "... apa-apa susunan perkataan yang cukup memberi faham, terjadi daripada "benda" dan "cerita" dari hal benda itu ..." <sup>28</sup>

Sebagai penganut TTG, R.A. Jacobs dan P.S. Rosenbaum ada memberikan konsep ayat. Menurut mereka, "*A sentence is a string of words, but not every string of words is a sentence.*" <sup>29</sup> Seterusnya mereka mengatakan bahawa "*A sentence is a structured string whose words fall into natural groups.*" <sup>30</sup> Asmah Hj. Omar dalam menghuraikan ayat dalam bahasa Melayu telah mentakrifkan ayat sebagai "... unit yang paling tinggi dalam skala tatabahasa nahu ." <sup>31</sup> Raminah Hj. Sabran dan Rahim Syam mendefinisikan ayat sebagai "... kumpulan perkataan yang diucapkan dengan intonasi tertentu dan di dalamnya terkandung satu idea atau kenyataan yang lengkap. Suatu ayat yang lengkap terdiri daripada subjek dan predikat atau pokok dan cerita." <sup>32</sup>

<sup>27</sup> St. Takdir Alisyahbana. 1964. *Tatabahasa Baru Melayu Indonesia*. Kuala Lumpur : Zaman Baru Limited. Hlm. 38-39.

<sup>28</sup> Zainal Abidin Ahmad. 1965. *Pelita Bahasa Melayu Penggal I* (Cetakan ke 5). Hlm. 195.

<sup>29</sup> R. A. Jacobs dan P.S. Rosembaum. 1968. *English Transformational Grammar*. Massachusetts : Blaisdell Publishing Co. Hlm. 3.

<sup>30</sup> *Ibid.* Hlm. 15.

<sup>31</sup> Asmah Hj. Omar. 1982. *Nahu Melayu Mutakhir*. (Edisi ke-2). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 329.

<sup>32</sup> Raminah Hj. Sabran dan Rahim Syam. 1984. *Kajian Bahasa Untuk Pelatih Maktab Perguruan*. Hlm. 183.

Nik Safiah Karim dan rakan-rakan telah mentakrifkan ayat sebagai "... unit pengucapan yang paling tinggi letaknya dalam susunan tatabahasa dan mengandungi makna yang lengkap. Ayat boleh terbentuk daripada satu perkataan atau susunan beberapa perkataan yang pengucapannya dimulakan dan diakhiri dengan kesenyapan, serta mengandungi intonasi yang sempurna."<sup>33</sup> Halimah Wok Awang mengatakan "Ayat ialah ujaran yang didahului oleh kesenyapan dan diikuti oleh kesenyapan. Dalam bahasa tulisan ayat dilambangkan oleh satu atau lebih kata yang terdapat di antara huruf besar permulaan dengan tanda baca berhenti."<sup>34</sup> William Bright dalam *International Encyclopedia of Linguistics* menjelaskan bahawa ayat sebagai "*The largest structural unit in terms of which the grammar of a language is organized; an independent unit that is given both a formal and a functional classification.*"<sup>35</sup>

Dalam kajian ini, semua aspek sintaksis akan dikaji dan dianalisis. Aspek berkenaan termasuklah frasa, klausa, ayat dasar, ayat tunggal, jenis-jenis ayat : ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan, ayat aktif dan ayat pasif. Aspek sintaksis yang juga akan dibincangkan adalah mengenai ayat

<sup>33</sup> Nik Safiah Karim et al. 1997. *Tatabahasa Dewan*. Edisi Baharu. Hlm. 414.

<sup>34</sup> Halimah Wok Awang. "Pola-Pola Ayat Dasar Dalam Bahasa Malaysia". Dalam Abdullah Hassan (Penyu). 1992. *Rencana Linguistik*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 94.

<sup>35</sup> William Bright. 1992. *International Encyclopedia of Linguistics*. Volume 4. New York : Oxford University Press. Hlm. 335.

transformasi, iaitu ayat majmuk yang merangkumi ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan, dan ayat majmuk campuran.

## 2.7.2 GOLONGAN AYAT

Semua ayat yang ada dalam bahasa Melayu boleh dibahagikan kepada dua golongan sahaja, iaitu golongan pertama ialah ayat dasar dan golongan kedua ialah ayat transformasi.

### 2.7.2.1 Ayat Dasar

Ayat dasar merupakan pola ayat yang menjadi sumber kepada pembentukan atau terbitan semua ayat yang lain dalam sesuatu bahasa.<sup>36</sup> Lutfi Abas dan Raja Mukhtaruddin mentakrifkan ayat dasar sebagai "ayat yang daripadanya dapat diterbitkan seluruh ayat bahasa Melayu yang lain".<sup>37</sup> Begitu juga dengan pendapat dan pandangan Paul Roberts yang mengatakan ayat dasar sebagai "... *the basic, elementary sentences of the language, the stuff from which all else is made.*"<sup>38</sup>

---

<sup>36</sup> Nik Safiah Karim et al. 1997. *Tatabahasa Dewan*. Edisi Baharu. Hlm. 322 dan 418.

<sup>37</sup> Lutfi Abas dan Raja Mukhtaruddin Dain. 1968. "Tatabahasa Melayu atau Indonesia". *Dewan Bahasa*. Jld. 12. Bil. 5. Hlm. 209-220.

<sup>38</sup> Paul Roberts. 1964. *English Syntax (Alternate Edition)*. New York : Harcourt, Brace & World Inc. Hlm. 8.

Sebagai pelopor TTG, Noam Chomsky telah membahagikan ayat kepada dua, iaitu ayat inti dan ayat transformasi. Beliau telah mentakrifkan ayat inti sebagai "... we define the kernel of the language ... as the set of sentences that are produced when we apply obligatory transformation, to the terminal strings of the grammar ".<sup>39</sup> Beliau menjelaskan bahawa transformasi wajib (*obligatory transformation*) akan menjadikan urutan terminal (*terminal strings*) ayat yang gramatis. Urutan terminal menurut Chomsky ialah "... a string of the last line of a terminal deviation ".<sup>40</sup> Dengan kata lain, urutan terminal ialah urutan yang terhasil daripada rumus tatabahasa.<sup>41</sup> Asraf pula mengatakan bahawa ayat dasar ialah ayat selapis, iaitu ayat yang mempunyai satu subjek dan satu predikat.<sup>42</sup> Halimah Wok Awang telah mengemukakan tujuh pola ayat dasar yang dapat menghasilkan semua ayat dalam bahasa Melayu.<sup>43</sup> Pola-pola itu adalah seperti yang berikut :

1. Kata Nama + Kata Nama
2. Kata Nama + Kata Kerja
3. Kata Nama + Kata Sifat
4. Kata Nama + Kata Kerja + Kata Nama

<sup>39</sup> N. Chomsky. 1957. *Syntactic Structures*. The Hague : Mouton. Hlm. 45.

<sup>40</sup> *Ibid*. Hlm. 30.

<sup>41</sup> Awang Sariyan. 1986. *Kesinambungan Bahasa Dalam Sastera Melayu*. Hlm. 49.

<sup>42</sup> Asraf. 1978c. "Beberapa Prinsip Dasar Untuk Tatabahasa Melayu : Penggolongan dan Penjenisan Ayat". *Dewan Bahasa*. Jld. 22. Bil. 11. Hlm. 752-770.

<sup>43</sup> Halimah Wok Awang. 1992. "Pola-Pola Ayat Dasar Dalam Bahasa Malaysia". Hlm. 95.

5. Kata Nama + Kata Kerja Pasif + Kata Nama
6. Kata Nama + Keterangan Tempat
7. Kata Nama + Ada + Kata Nama

Nik Safiah Karim dan rakan-rakan mengatakan bahawa dalam bahasa Melayu, semua ayat sama ada ayat pendek atau panjang, mudah atau kompleks, berstruktur biasa atau songsang pada dasarnya berasal daripada salah satu pola ayat dasar<sup>44</sup> seperti yang berikut :

1. Frasa Nama + Frasa Nama
2. Frasa Nama + Frasa Kerja
3. Frasa Nama + Frasa Adjektif
4. Frasa Nama + Frasa Sendi Nama

Darwis Harahap mendefinisikan ayat dasar sebagai ayat yang masih dalam bentuk asas, iaitu yang serupa dengan rentetannya dalam struktur dalaman.<sup>45</sup> Liaw Yock Fang dan Abdullah Hassan bersepakat mengatakan bahawa ayat dasar

<sup>44</sup> Nik Safiah Karim et al. 1997. *Tatabahasa Dewan*. Edisi Baharu. Hlm. 322.

<sup>45</sup> Darwis Harahap. 1989. *Struktur Sintaksis Ayat Selapis Dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 2.

(mereka menamakannya sebagai ayat inti) ialah ayat dalam bentuknya yang paling sederhana. Mereka telah membahagikan ayat dasar kepada 5 pola:<sup>46</sup>

1. Kata/Frasa Nama + Kata/Frasa Nama
2. Kata/Frasa Nama + Kata/Frasa Sifat
3. Kata/Frasa Nama + Kata/Frasa Kerja Tak Transitif
4. Kata/Frasa Nama + Kata/Frasa Kerja Transitif + Kata Nama
5. Kata/Frasa Nama + Kata/Frasa Depan

Sulaiman Masri berpendapat bahawa ayat dasar (beliau menggunakan istilah ayat inti) juga disebut sebagai ayat sederhana, iaitu ayat yang subjek dan predikatnya ringkas.<sup>47</sup> Seterusnya, Arbak Othman menjelaskan ayat dasar ialah ayat inti, iaitu ayat yang terbentuk daripada unsur-unsur utama yang wajib, yakni yang tidak mengandungi sebarang keterangan di dalamnya. Setiap ayat dasar mesti mengandung satu subjek dan satu predikat. Beliau telah mengemukakan 6 pola ayat dasar,<sup>48</sup> seperti yang berikut :

1. Subjek nama ----- predikat nama
2. Subjek nama ----- predikat sifat

<sup>46</sup> Liaw Yock Fang dan Abdullah Hassan. 1995. *Nahu Melayu Modern*. Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti. Hlm. 205.

<sup>47</sup> Sulaiman Masri. 1989. *Inilah Bahasa Baku*. Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti. Hlm. 126.

<sup>48</sup> Arbak Othman. 1985. *Mengajar Tatabahasa*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 167-168.

- |                |   |
|----------------|---|
| 3. Subjek nama | ----- predikat kopula                   |
| 4. Subjek nama | ----- predikat rangkai kata depan       |
| 5. Subjek nama | ----- predikat kata kerja tak transitif |
| 6. Subjek nama | ----- predikat kata kerja transitif     |

#### 2.7.2.2 Ayat Transformasi

Ayat transformasi atau dikenali juga dengan panggilan ayat terbitan ialah ayat yang diterbitkan daripada ayat dasar atau ayat inti melalui proses transformasi yang melibatkan berlakunya pengguguran, penyusunan semula atau peluasan kepada sesuatu unsur ayat.<sup>49</sup> Darwis Harahap mentakrifkan ayat transformasi sebagai ayat yang strukturnya sudah mengalami transformasi, sama ada transformasi pemindahan atau transformasi pengguguran.<sup>50</sup>

Menurut Asraf, ayat transformasi ialah ayat yang berasal daripada ayat inti tetapi dengan bentuk yang telah berubah. Antara ayat transformasi itu ada yang dikatakan ayat transformasi satu dasar, ayat transformasi dua dasar, dan seterusnya ayat yang terbit daripada ayat-ayat inti dan ayat-ayat transformasi satu dasar dan dua dasar sehingga menjadi ayat transformasi beberapa banyak

<sup>49</sup> Raminah Hj. Sabran. 1991. *Kecekapan Berkommunikasi Dalam Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti. Hlm. 72.

<sup>50</sup> Darwis Harahap. 1989. *Struktur Sintaksis Ayat Selapis Dalam Bahasa Malaysia*. Hlm. 2.

dasar. Ayat transformasi dua dasar terbahagi kepada dua : (a) ayat gabungan dan (b) ayat pancangan.<sup>51</sup>

Ayat transformasi terdiri daripada beberapa jenis mengikut dasarnya. Secara umum ayat transformasi dapat dibahagikan kepada dua :

- (a) Ayat transformasi satu dasar
- (b) Ayat transformasi banyak dasar

Ayat transformasi satu dasar merupakan ayat yang mempunyai satu subjek dan satu predikat tetapi ayat ini telah diubahsuai bentuknya dan tidak lagi mengekalkan sifat dasarnya. Ayat transformasi satu dasar merupakan ayat tunggal dalam bentuk yang berikut :

- (a) Ayat tanya
- (b) Ayat perintah
- (c) Ayat seruan
- (d) Ayat songsang satu dasar
- (e) Ayat satu dasar yang mengalami transformasi konstituennya.

---

<sup>51</sup> Asraf, 1988. "Penerapan Teori Transformasi-Generatif Pada Tatabahasa Bahasa Melayu". Dalam Nik Safiah Karim (Penyusun). *Linguistik Transformasi Generatif*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 46.

Ayat transformasi banyak dasar mempunyai dua atau lebih unsur subjek dan unsur predikatnya. Pada dasarnya ayat transformasi banyak dasar dibahagikan kepada

- (a) Ayat gabungan
- (b) Ayat pancangan
- (c) Ayat campuran<sup>52</sup>

Berdasarkan beberapa pengertian yang telah diberikan mengenai ayat transformasi di atas, boleh dikatakan bahawa ayat transformasi merupakan ayat yang telah mengalami perubahan dari segi struktur, binaan, dan konstituen dalam sesuatu ayat itu. Dalam perkataan lain ayat transformasi ialah ayat yang selain ayat dasar. Oleh itu, ayat tunggal dan ayat majmuk tergolong dalam golongan ayat transformasi kerana kedua-dua kelompok ayat itu telah mengalami perubahan daripada bentuk asalnya sama ada perubahan itu berlaku pada subjek, predikat dan konstituen yang lain.

---

<sup>52</sup>Md. Sidin Ahmad Ishak dan Mus Chairil Samani. 1996. *Strategi Penulisan*. Selangor : Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 155.